

Lelaki didakwa menipu tawar pelaburan tak wujud

🌐 m.sinarharian.com.my/mobile-article

SYAMILAH ZULKIFLI

28 OCT 2022



Tertuduh (dua dari kiri) diiringi polis di Mahkamah Majistret Seremban pada Jumaat.

SEREMBAN – Seorang lelaki dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini pada Jumaat atas pertuduhan menipu menawarkan pelaburan tidak wujud tahun lalu.

Tertuduh, Shawn Lee Kim Boon, 33, bagaimanapun mengaku tidak bersalah di hadapan Majistret Norzaliza Tesmin selepas kertas pertuduhan dibacakan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh secara bersama-sama terlibat dengan satu pakat jahat menjahat dengan bersetuju antara satu sama lain untuk melakukan perbuatan menyalahi undang-undang iaitu menipu dengan memperdaya melalui aplikasi WhatsApp.

Tertuduh telah menyatakan bahawa skim pelaburan 'Vanguard Investment' merupakan satu skim pelaburan yang wujud yang telah mendorong mangsa memasukkan wang pelaburan dalam skim berkenaan yang bertentangan dengan Seksyen 415 Kanun Keseksaan.

Perbuatan itu dilakukan pada 13 November 2021 jam lebih kurang 10 malam di sebuah kondominium di Nilai.

Berikutan itu, tertuduh didakwa melakukan kesalahan yang boleh dihukum di bawah Seksyen 120(B) Kanun Keseksaan dan jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara tidak lebih enam bulan atau dengan denda atau kedua-duanya.

Timbalan Pendakwa Raya, Nurul Muhammin Mohd Azman kemudian mencadangkan jaminan RM7,000 dengan seorang penjamin.

Bagaimanapun, peguam, Alvin Tan merayu supaya jaminan rendah diberi terhadap anak guamnya kerana tertuduh merupakan penanggung tunggal keluarga selain menjaga ibu berusia 65 tahun yang merupakan orang kurang upaya (OKU).

Mahkamah kemudian menetapkan jaminan RM2,500 dengan seorang penjamin dan sebutan semula kes 11 November ini.